

3755/1
Perdagangan
Kertas 1
Ogos
2010
1½ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK

2010

PERDAGANGAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Anda boleh membuat kerja mengira di ruangan kosong pada kertas soalan.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kakulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

1. Antara berikut yang manakah merupakan keperluan sosial manusia?

- | | |
|---------------|--------------------|
| A Keagamaan | C Penghargaan |
| B Keselamatan | D Sempurna kendiri |

2. Gambar 1 menunjukkan suatu aktiviti pengeluaran.



Gambar 1

Apakah aktiviti pengeluaran tersebut?

3. Di kilang pakaian, pekerja diberi tugas yang khusus mengikut jabatan seperti mereka bentuk, memotong, menjahit dan membungkus. Apakah jenis pengkhususan itu?


- A Pengkhususan profesi
- B Pengkhususan antarabangsa
- C Pengkhususan mengikut proses
- D Pengkhususan mengikut kawasan

4. Antara berikut, bantuan perniagaan yang manakah membantu menstabilkan harga barang?

- I Pergudangan
- II Pengangkutan
- III Komunikasi
- IV Insurans

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5. Rajah 1 berkaitan dengan suatu jenis saluran agihan.



Apakah jenis barang yang sesuai dipasarkan melalui saluran agihan tersebut?

- I Ubat-ubatan
- II Kosmetik
- III Majalah
- IV Surat khabar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6. Apakah kelebihan peruncit besar-besaran berbanding peruncit kecil-kecilan?

- | | |
|-------------------------------|--------------------|
| A Perkhidmatan selepas jualan | C Kemudahan kredit |
| B Pelbagai kemudahan | D Layanan peribadi |

7. Rajah 2 menunjukkan satu dokumen perniagaan dalam negeri.

Syarikat Pemborong Istimewa Sdn. Bhd. 119, Jalan Besar, 31000 Batu Gajah Perak Darul Ridzuan Telefon: 05-3663007 Faksimile: 05-36643008 E-mel: istimewa@tm.net.com					
Kepada		Tarikh: 23 Februari 2003			
Pasar Mini Meru Jaya					
Lot 3, Jalan Meru Utama,					
30020 Ipoh					
No. Pesanan Tuan: 8/2003		No. Invois: 2111			
Nombor rujukan	Butir	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)	
CB101	6 botol Cuka Buatan 1 × 6 × 330ml	6.00	6.00		
	rosak dipulangkan				
	kembali				
	Tolak: diskain niaga 10%		0.60		
	Jumlah bersih		5.40		
(Ringgit: Lima dan empat puluh sen sahaja)					
Syarat: Dengan lori Syarikat Pengangkutan Muda Sdn. Bhd. 5%, 14 hari K & K dik 2%, 30 hari					
<i>Ganesh</i> Akauntan					



Rajah 2

Apakah dokumen tersebut?

- | | |
|---------------|-------------------|
| A Nota kredit | C Penyata akaun |
| B Sebut harga | D Invois proforma |

8. Gambar 2 menunjukkan beberapa contoh jenis barang.



Gambar 2

Nyatakan kaedah jualan yang sesuai dengan jenis barang tersebut?

- | | |
|-----------------|--------------------|
| A Jualan tunai | C Jualan prabayar |
| B Jualan kredit | D Jualan konsainan |

9. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan kepentingan perniagaan antarabangsa kepada pengeluar?

- | | |
|------------------------------|--------------|
| I Pertukaran asing meningkat | C II dan III |
| II Taraf hidup meningkat | D III dan IV |
| III Sumber bekalan banyak | |
| IV Pasaran lebih luas | |

10. Rajah 3 menunjukkan logo satu pertandingan sukan bertaraf antarabangsa yang diadakan di Malaysia.



Rajah 3

Mengapakah Malaysia menganjurkan pertandingan tersebut?

- A Menambahkan eksport tak nyata
- B Mengurangkan eksport tak nyata
- C Menambahkan import tak nyata
- D Mengurangkan import tak nyata

11. Pilih pernyataan yang benar tentang halangan perniagaan antarabangsa dan cara mengatasinya.

	Halangan Perniagaan Antarabangsa	Cara mengatasinya
A	Prosedur kastam dan sekatan perniagaan	Mewujudkan kerjasama perniagaan
B	Masalah sukatan dan timbangan	Melaksanakan promosi
C	Standard dan syarat import	Mengeluarkan barang berkualiti
D	Cara pembayaran berbeza	Mendapatkan skim perlindungan insurans

12. Maklumat berikut menerangkan ciri satu bidang pembuatan dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

- Melibatkan teknologi kimpalan
- Menghasilkan komponen jentera

Apakah bidang pembuatan tersebut?

- A Industri berdasarkan logam
- B Industri berdasarkan sumber
- C Industri komponen automotif
- D Industri komponen elektrik dan elektronik

13. Antara berikut, yang manakah kelebihan pemasaran bersepada kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS)?

- I Memperoleh pasaran yang terjamin
- II Mempunyai lebih masa untuk melayan pelanggan
- III Memerlukan modal yang kecil dalam pengeluaran
- IV Mendapat bayaran segera sebagai modal pusingan

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |


14. Maklumat berikut berkaitan dengan satu jenis milikan perniagaan.

Milikan	:	120 orang pemegang syer
Harga syer	:	Tidak berubah
Liabiliti	:	Terhad
Cukai	:	Dikecualikan daripada bayaran cukai

Apakah jenis milikan perniagaan tersebut?

- | | |
|-------------------|-----------------------------|
| A Koperasi | C Syarikat Awam Berhad |
| B Perbadanan Awam | D Syarikat Sendirian Berhad |

15. Rajah 4 menunjukkan faktor yang dipertimbangkan untuk memulakan perniagaan.



Rajah 4

Apakah X?

- | | |
|-------------------|--------------------|
| A Sasaran pasaran | C Kaedah promosi |
| B Sumber bekalan | D Bilangan pekerja |

16. Rajah 5 menunjukkan dua unit papan tanda perniagaan.

PEMBINAAN MAJU SDN. BHD.

Perniagaan Q

KASPENA HOLDING BERHAD

Perniagaan R

Rajah 5

Apakah kelebihan Perniagaan Q berbanding Perniagaan R?

- A Modal lebih besar
- B Syer mudah dipindah milik
- C Menanggung liabiliti terhad
- D Hal ehwal syarikat dirahsiakan

17. Antara berikut, dokumen yang manakah perlu dipamerkan di ibu pejabat premis syarikat?

- A Tataurus syarikat
- B Tatawujud syarikat
- C Perakuan pematuhan syarikat
- D Perakuan pemerbadanan syarikat

18. Antara berikut yang manakah **bukan** aktiviti pelaburan?

- A Rohana membeli rumah untuk disewa
- B Sarojini membeli 1000 unit syer Syarikat Megah Berhad
- C Kooi Yuan membuka akaun semasa di Maybank Berhad
- D Bah Mamat menyimpan RM10 000 dalam simpanan tetap

19. Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti yang dilakukan oleh Encik Fadly.

Pada 1 April 2009, Encik Fadly membeli sebuah rumah dengan harga RM 120 000. Dia menyewakan rumah itu mulai 1 Ogos 2009 dengan kadar RM 600 sebulan. Pada 31 Mac 2010, dia menjual rumah itu dengan harga RM 145 000.

Hitungkan jumlah pulangan yang diperoleh atas pelaburan Encik Fadly itu.

- | | |
|-------------|-------------|
| A RM 27 400 | C RM 29 800 |
| B RM 29 200 | D RM 32 200 |

20. Pernyataan di bawah merujuk kepada satu jenis syer.

- Kadar dividen tetap
- Pemegang syer berhak mendapat dividen tunggakan tahun sebelumnya

Apakah jenis syer itu?

- A Syer keutamaan kumulatif
- B Syer keutamaan penyertaan
- C Syer keutamaan boleh tukar
- D Syer keutamaan boleh tebus

21. Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Lazat Berhad.

Syarikat Lazat Berhad, pemilik rangkaian restoran makanan segera bercadang mengambil alih Syarikat Maju Ternak Sdn. Bhd. yang mengusahakan ladang ternakan ayam.

Apakah jenis bank yang boleh membantu Syarikat Lazat Berhad?

- | | |
|-----------------|-----------------------|
| A Bank koperasi | C Bank perdagangan |
| B Bank saudagar | D Bank badan berkanun |

22. Antara berikut, yang manakah benar tentang akaun simpanan tetap di bank perdagangan?

- A Penyimpan diberi buku cek
- B Penyimpan diberi buku simpanan
- C Simpanan untuk satu tempoh tertentu
- D Simpanan boleh dikeluarkan bila-bila masa

23. Rajah 6 menunjukkan sekeping cek.

<i>Bank Putri Bhd.</i>		BANK MALAYSIA BERHAD	Stamp Duty Paid 56-12453
		Taiping, Perak.	Tarikh: 01.06.2010
Bayar		Atau Pembawa	
Pay	<u>Alif bin Zamri</u>		
Ringgit Malaysia	<u>Satu Ribu Sahaja</u>	RM 1000.00	
<i>Kamelia</i>			
"678543"	56""12453"	5643217896"	01

Rajah 6

Siapakah penyuruh bayar dalam cek tersebut?

- | | |
|------------------------|------------------|
| A Bank Malaysia Berhad | C Alif bin Zamri |
| B Bank Putri Bhd. | D Kamelia |

24. Antara berikut, masalah yang manakah dapat diatasi oleh peniaga daripada perkhidmatan syarikat pemfaktoran?

- I Aliran tunai
- II Hutang lapuk
- III Stok lapuk
- IV Menyimpan stok

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

25. Operasi takaful bebas daripada unsur

- | | | | |
|-----------------|------------------|------------|-------------|
| I riba | II gharar | III maisir | IV tabarruk |
| A I, II dan III | C I, III dan IV | | |
| B I, II dan IV | D II, III dan IV | | |

26. Gambar 3 menunjukkan perbualan di antara Encik Mohan dengan pengurus syarikat insurans.



Gambar 3

Apakah prinsip insurans yang gagal dipatuhi oleh bapa Encik Mohan?

- | | |
|------------------------------|------------------------|
| A Kepentingan boleh insurans | C Penuh percaya mutlak |
| B Doktrin sebab hampiran | D Indemniti |

27. Antara berikut, yang manakah **bukan** perbezaan di antara pengangkutan jalan raya dengan pengangkutan rel.

	Pengangkutan jalan raya	Pengangkutan rel
A	Jadual perjalanan fleksibel	Terikat pada jadual perjalanan
B	Serahan pintu ke pintu	Tiada serahan pintu ke pintu
C	Kemudahan perkhidmatan banyak	Kemudahan perkhidmatan terhad
D	Lebih pantas jarak jauh	Lebih pantas jarak dekat

28. Jadual berikut berkaitan dengan pemilihan jenis kapal.

Situasi	Keterangan
P	Perlu pengangkutan untuk mengangkut 40,000 liter petrolium ke Jepun
Q	Perlu pengangkutan untuk mengangkut 5,000 set perabut jati ke Itali
R	Perlu pengangkutan untuk mengangkut 10,000 tong minyak sawit ke New Zealand


Apakah jenis kapal yang sesuai untuk setiap situasi tersebut?

	Situasi P	Situasi Q	Situasi R
A	kapal kerentan	kapal kargo	kapal tangki
B	kapal kerentan	kapal kontena	kapal kerentan
C	kapal tangki	kapal kontena	kapal kargo
D	kapal tangki	kapal kargo	kapal kontena

29. Apakah kelebihan Pengangkutan Antarabangsa Routier (TIR)?

- A Pengecualian cukai kastam bagi barang yang dieksport menggunakan kontena.
- B Kontena tidak perlu dibuka dan diperiksa oleh kastam di negara perantara.
- C Penggunaan kontena tidak memerlukan dokumentasi kastam.
- D Kerosakan kontena akan ditanggung oleh pihak kastam.

30. Rajah 7 menunjukkan salah satu perkhidmatan yang disediakan oleh pejabat pos.



Rajah 7

Apakah perkhidmatan tersebut?

- | | |
|--------------------------|-----------|
| A Sampul surat berdaftar | C Poskad |
| B Data pos | D Frangki |

31. Antara berikut, yang manakah merupakan perkhidmatan audiovisual?

- | | |
|-------------------|------------------|
| I Internet | C I, III dan IV |
| II MAYPAC | D II, III dan IV |
| III Sidang audio | |
| IV Mel elektronik | |
- | | |
|-----------------|------------------|
| A I, II dan III | C I, III dan IV |
| B I, II dan IV | D II, III dan IV |

32. Rajah 8 menunjukkan satu jenis iklan.



Rajah 8

Apakah jenis gudang yang ditawarkan?

- | | |
|--------------------|-------------------|
| A Gudang pengilang | C Gudang berlesen |
| B Gudang kerajaan | D Gudang kastam |


33. Ciri gudang yang manakah memudahkan kerja-kerja pemungahan?

- A Kawalan keselamatan ketat
- B Sistem rekod kemaskini
- C Ruang yang luas
- D Lokasi strategik

34. Mengapa promosi penting kepada pengguna?

- A Dapat merancang pembelian sesuatu barang
- B Dapat mengetahui kewujudan barang baru
- C Dapat mempengaruhi pengguna untuk membeli
- D Dapat menikmati barang pada harga paling murah

35. Rajah 9 merupakan maklumat yang dipetik daripada satu iklan.



Rajah 9

Apakah daya tarikan iklan yang digunakan di dalam iklan tersebut?

- A Pujukan moral
- B Pujukan emosi
- C Pujukan ikhlas
- D Pujukan rasional

36. Berikut adalah pernyataan tentang dua buah perniagaan.

Syarikat Perabot Megah Berhad	Kedai Runcit Merah Ceria
Media pengiklanan yang dipilih ialah televisyen dan pameran	Media pengiklanan yang dipilih ialah risalah dan poster

Di antara berikut faktor manakah yang mempengaruhi pemilihan media pengiklanan bagi kedua-dua perniagaan di atas?

- I Jenis dan sifat barang
- II Kos pengiklanan
- III Saiz perniagaan
- IV Dasar kerajaan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

37. Gambar 4 menunjukkan satu agensi kerajaan.



Gambar 4



Apakah peranan agensi tersebut?

- A Menyediakan latihan dan pengurusan
- B Menyediakan kemudahan pembiayaan
- C Menjalankan penyelidikan dan khidmat nasihat
- D Menyediakan kemudahan infrastruktur dan ruang niaga

38. Rajah 10 merupakan satu label yang terdapat pada satu bungkusan makanan.

MAKLUMAT PEMAKANAN	
Saiz hidangan 33g	
Purata Komposisi	Setiap 100g
Lemak	7.9g
Protein	9.4g
Karbohidrat	82.7g

Ramuan : Barli, gula, susu tepung, koko, vitamin dan bahan perisa yang dibenarkan.

Guna sebelum: 28.05.2011

Hubungi kami untuk khidmat pengguna:
1 800 77 3434 www.olioten.com

Rajah 10

Apakah hak pengguna yang dipenuhi oleh pengeluar makanan tersebut?

- A Hak membuat pilihan
- B Hak mendapat maklumat
- C Hak mendapat keselamatan
- D Hak mendapat keperluan asas

39. Apakah faktor yang dipertimbangkan oleh pengguna semasa memilih tempat untuk membeli?

- I Lokasi kedai
- II Kepelbagaiannya barang
- III Sikap dan layanan peniaga
- IV Jaminan keselamatan

- | | |
|-----------------|------------------|
| A I, II dan III | C I, III dan IV |
| B I, II dan IV | D II, III dan IV |


40. Rajah 11 diambil dari satu botol air mineral.



Rajah 11

Apakah bentuk tanggungjawab yang telah dilaksanakan oleh pengeluar air mineral tersebut?

- A Melaksanakan tanggungjawab sosial
- B Mengamalkan pengiklanan yang beretika
- C Mempraktikkan amalan perniagaan yang baik
- D Membantu menyebarkan pendidikan konsumerisme



KERTAS SOALAN TAMAT